

Pertama-tama aku menasihatkan: Naikkanlah permohonan, doa syafaat dan ucapan syukur untuk semua orang, untuk raja-raja dan untuk semua pembesar, agar kita dapat hidup tenang dan tenteram dalam segala kesalehan dan kehormatan. Itulah yang baik dan yang berkenan kepada Tuhan, Juruselamat kita, yang menghendaki supaya semua orang diselamatkan dan memperoleh pengetahuan akan kebenaran.  
1 Timotius 2: 1-4

September 21, 2025

www.heraldmalaysia.com



## Jadikan hidup kita sebuah karya agung

**TAKHTA SUCI:** "Seperti Raja Salomo, dua orang anak muda, Pier Giorgio Frassati dan Carlo Acutis mencari kurniaan kebijaksanaan untuk memahami rancangan Tuhan bagi kehidupan dan mengikutinya dengan setia," kata Sri Paus Leo XIV semasa memimpin Misa Kudus Kanonisasi Pier Giorgio Frassati dan Carlo Acutis di Dataran Sto Petrus pada September 7 lalu.

Sri Paus Leo memberi penghormatan kepada kesaksian luar biasa dua orang kudus melalui iman, harapan, dan kepercayaan mereka kepada Tuhan, serta kepada rancangan besar Tuhan untuk kegembiraan dan kebahagiaan abadi.

Dalam khutbahnya, Sri Paus menyatakan rasa kagumnya terhadap kesaksian luar biasa kedua-dua santo baharu.

Pier dan Carlo memahami rancangan Tuhan yang amat baik untuk mereka. Pier dan Carlo menggunakan bakat-bakat yang dianugerahkan Tuhan kepada mereka untuk membawa orang lain kepada Tuhan melalui tauladan, kata-kata, dan tindakan mereka.

Dalam bacaan Injil pada hari tersebut, Yesus berbicara kepada kita tentang rancangan Tuhan, yang seharusnya menjadi komitmen kita sepenuh hati.

"Seperti Pier dan Carlo, mari menyerahkan diri tanpa teragak-agak kepada tawaran pengembaraan iman, dengan kecerdasan dan kekuatan yang datang dari Roh-Nya," kata Sri Paus.

Prelatus itu menambah, "Orang muda sering menghadapi persimpangan dalam hidup mereka dan perlu membuat pilihan yang sukar."

Bapa Suci mengambil contoh Santo Fransiskus dari Assisi, bahawa Santo itu memilih "kekudusan, meninggalkan segala-galanya untuk mengikutinya Tuhan, hidup dalam kemiskinan dan lebih memilih kasih saudara-saudari, terutamanya yang paling lemah dan terkecil, daripada emas, perak, dan kain berharga bapanya."

### Mengatakan "ya" kepada Tuhan

Begitu ramai orang kudus sepanjang sejarah telah membuat pilihan berani yang serupa dengan Sto Fransiskus dari Assisi. Mereka tidak berganjak daripada terus memandangi ke arah Tuhan, dan, meskipun mereka masih sangat muda, mereka memberikan kata "ya" kepada Tuhan, menyerahkan diri sepenuhnya kepada-Nya, tidak menyimpan apa-apa untuk diri sendiri," kata Sri Paus.

Uskup Roma itu juga mengingatkan bagaimana Sto Augustinus merasakan suara dari dalam dirinya yang berkata: "Aku mahu kamu", dan Tuhan memberinya arah baharu, jalan baharu, matlamat baharu, di mana tiada apa pun dalam hidupnya yang hilang."

### Pier Giorgio Frassati, mercu tanda kerohanian awam

Merenungkan kehidupan Sto Pier Giorgio Frassati, seorang lelaki muda Itali pada awal abad ke-20, yang aktif dalam persatuan Katolik dan kebajikannya kepada orang miskin, Bapa Suci Leo berkata "kehidupan Pier Giorgio adalah mercu tanda bagi kerohanian awam hari ini. Dia memperlihatkan bahawa iman bukanlah urusan peribadi."

Pier menunjukkan bahawa kerohanian dapat dihayati dalam komuniti dengan menyertai gerakan-gerakan atau komiti Gereja, mengikuti politik yang adil dan berkhidmat kepada orang miskin.

### Carlo Acutis, saksi kudus dalam kesederhanaan

Berbicara tentang Santo Carlo Acutis, seorang santo muda dari Itali, seorang remaja pada zaman kita, Sri Paus menyatakan bagaimana Carlos bertemu Yesus dalam keluarga dan rutin hariannya.

Sto Carlo menemui dan menghayati imannya melalui alam persekolahan, khususnya sakramen yang diraikan dalam komuniti paroki, kata Sri Paus, sambil menyatakan "Carlo membesar secara semula jadi mengintegrasikan doa, sukan, belajar dan amal ke dalam hari-harinya sebagai kanak-kanak dan remaja."

Sri Paus Leo turut berterima kasih kepada ibu bapa Santo Carlo Acutis yang hadir dalam perayaan itu, Andrea dan Antonia bersama dua adiknya, Francesca dan Michele.

### Memupuk kasih sayang kepada Tuhan dan jiran

Misa harian, doa, dan terutamanya Penyembahan Ekaristi, dipraktikkan dengan penuh khusyuk dalam kehidupan Santo Pier Giorgio dan Carlo.

Dari Sakramen Ekaristi, mengalir berkat ke dalam diri kedua-dua Santo itu untuk memupuk kasih mereka terhadap Tuhan dan jiran melalui tindakan amal yang mudah, kata Sri Paus.

Dan walaupun mereka berdua diserang penyakit yang memendekkan hayat mereka, mereka terus memberi kesaksian tentang harapan dan menyerahkan diri kepada Tuhan.

Bapa Suci mengingatkan bagaimana Pier Giorgio pernah berkata: "Hari kematian saya akan menjadi hari yang paling indah dalam hidup saya"; manakala Santo Carlo pula sering berkata bahawa "syurga sentiasa menunggu kita, dan tindakan mencintainya pada hari ini dan esok memberikan buah terbaik kita hari ini."

### Menjadikan kehidupan kita "karya agung"

Sri Paus Leo menekankan bagaimana Santo Pier Giorgio Frassati dan Carlo Acutis mengajak semua orang, "terutamanya golongan muda, untuk tidak membazirkan hidup kita, sebaliknya mengarahkannya ke atas dan menjadikannya karya agung."

Mereka menggalakkan kita dengan kata-kata yang sering diungkapkan oleh Carlo, "Bukan saya, tetapi Tuhan," dan kata-kata terkenal daripada Pier Giorgio: "Jika anda meletakkan Tuhan di tengah-tengah semua tindakan anda, maka setiap yang anda lakukan pasti berjaya."

Ini adalah formula yang berjaya menjadikan dua orang muda itu sebagai santo. Gereja Katolik akan memperingati peringatan liturgi Sto Carlo Acutis pada Oktober 12, dan St Pier Giorgio Frassati pada Julai 4. **Media Vatikan**

# Tuhan bukan ilustrasi tetapi realiti

Pemikir klasik ateis Zaman Pencerahan, ahli falsafah seperti Friedrich Nietzsche dan Ludwig Feuerbach, menyatakan bahawa semua pengalaman keagamaan hanyalah anggapan manusia.

Tuhan tidak wujud. Kitalah yang mencipta Tuhan, dan kita menciptanya mengikut imej dan rupa kita, akhirnya untuk memenuhi keperluan kita.

Kita mencipta konsep Tuhan kerana kita memerlukan Tuhan untuk tujuan kita sendiri. Tambah pula, apa yang kita percayai sebagai firman Tuhan, wahyu ilahi, (kitab suci, akidah dan dogma) semuanya adalah ilustrasi manusia.

Sejauh mana kebenaran ini?

Sebahagian besarnya betul, bukan dalam erti kata Tuhan tidak wujud, tetapi bahawa kita selamanya membentuk dan memesongkan idea tentang Tuhan dan firman Tuhan untuk memenuhi keperluan kita sendiri.

Kita mempunyai firman Tuhan dalam Kristus dan dalam kitab suci kita, tetapi kita sentiasa menggubahnya agar sesuai dengan keperluan kita.

Itulah sebabnya kita mempunyai begitu banyak agama dan mazhab Kristian yang berbeza. Itulah juga sebabnya (secara ketbetulan yang menggembirakan) Tuhan sentiasa membenci orang yang sama seperti kita dan sentiasa menyayangi orang yang sama seperti kita.

Apabila ateis menyatakan bahawa Tuhan adalah ilusi manusia untuk memenuhi keperluan kita, mereka sebenarnya berbuat baik kepada kita kerana mereka memegang cermin yang membolehkan kita melihat bahawa, sebenarnya, kita sentiasa membentuk dan memesongkan wahyu ilahi supaya ia berfungsi untuk kebaikan kita.

Kritikan mereka terus memberi tekanan kepada kita untuk membersihkan konsep kita tentang Tuhan dan wahyu ilahi.

Tetapi, walaupun mereka mungkin 90% betul, mereka 10% salah, dan 10% itu men-



yatakan semua perbezaan.

Dalam 10% itu, kita membenarkan Tuhan mengalir ke dalam kehidupan kita dengan cara yang kita tidak dapat disekat atau memutarbelitkan pengalaman itu tetapi hanya menerimanya secara murni.

Ini berlaku dalam apa yang mistik panggil "malam-malam gelap jiwa", dan frasa itu merujuk kepada masa-masa dalam hidup kita apabila keupayaan semula jadi kita untuk berimaginasi, berfikir, dan beremosi (seperti yang berkaitan dengan Tuhan dan iman) berada dalam kebuntuan, lumpuh, dan tidak dapat berfungsi.

Semua cara kita membayangkan dan memikirkan Tuhan sebelum ini kini terasa kosong, palsu, tidak berguna.

Kita tidak lagi dapat membayangkan bahawa Tuhan itu wujud, berasa seperti ateis, dan tidak dapat memikirkan jalan keluar daripada rasa tidak berdaya itu.

Keadaan tidak berdaya itu, apabila kita tidak lagi dapat membayangkan Tuhan atau merasakan kehadiran Tuhan secara afektif, sebenarnya adalah satu anugerah. Mengapa? Kerana apabila keupayaan semula jadi kita lumpuh, kita juga lumpuh dalam keupayaan kita untuk membayangkan Tuhan.

Setelah melalui keadaan tidak berdaya itu, baharulah kita dapat menerima Tuhan seadanya, bukan lagi sekadar membayangkan Tuhan.

Pada tahap ini, kita tidak lagi mempunyai

kuasa untuk membentuk atau memesongkan konsep kita tentang Tuhan.

Contoh utama bagi perkara ini, sudah tentu, ialah Jumaat Agung, iaitu dalam sejarah, Injil menyatakan bahawa pada Jumaat Agung, tengah hari telah menjadi gelap.

Jumaat Agung adalah "malam jiwa yang gelap" yang benar-benar berlaku dalam kalangan pengikut Yesus.

Mereka telah mengikuti-Nya, mendingar perkataan-Nya dan wahyu-Nya; tetapi, walaupun Yesus berulang kali cuba membetulkan pandangan mereka, mereka telah membentuk dan memutarbelitkan peribadi dan kata-kata-Nya agar sesuai dengan tanggapan mereka sendiri tentang apa yang mereka inginkan dalam seorang Mesias.

Apa yang mereka mahukan ialah seorang manusia super Ilahi yang akan memusnahkan semua musuh mereka, bersinar dalam kemuliaan, dan membawa kemuliaan kepada mereka.

Jumaat Agung benar-benar memusnahkan ilustrasi mereka. Yesus mati dengan cara yang mengerikan, ditelanjangan, dihina, dipukul, tidak berdaya, dilihat sebagai penjenayah.

Itu menghancurkan semua jangkaan mereka tentang bagaimana mereka membayangkan seorang Mesias sebelum ini. Tiada kemuliaan duniawi, hanya aib, dan tiada kuasa ilahi yang turun. Itu benar-benar menghancurkan pemahaman agama

mereka.

Secara harfiah, mereka terkejut. Setiap tanggapan mereka tentang apa yang sepatutnya menjadi seorang Mesias telah terbalik.

Mereka bisu secara imaginatif, tidak dapat membayangkan bagaimana semua ini boleh masuk akal? Dunia agama mereka telah menjadi gelap di tengah hari.

Sesungguhnya, ia mengambil masa beberapa tahun (seperti penglihatan Sto Paulus) untuk cahaya muncul semula, sebelum makna Jumaat Agung akhirnya menembusi mereka dan dapat diterima akal.

Dalam kegelapan, cahaya datang menerangi, terus menerus kerana malam gelap rohani yang melumpuhkan mereka pada Jumaat Agung.

Semasa Jumaat Agung, imaginasi, afektif, dan intelektual mereka dalam mentafsir apa yang cuba disampaikan kepada mereka seolah-olah terbantut. Akibatnya, mereka tidak dapat memutarbelitkan pengalaman mereka tetapi hanya menerimanya.

Dalam sebuah buku yang luar biasa, *The Crucified God*, Jurgens Moltmann menulis: "Iman kita bermula pada titik di mana ateis menganggapnya sudah berakhir. Namun iman kita bermula dengan kesuraman, iman kita bermula setelah melalui malam kelam, penghinaan salib, pengabaian, godaan, dan keraguan tentang segala yang wujud!"

"Iman kita mesti lahir di mana ia ditinggalkan oleh semua realiti nyata; ia mesti lahir daripada ketiadaan; ia mesti merasai ketiadaan ini dan diberi untuk merasainya dengan cara yang tidak dapat dibayangkan oleh mana-mana falsafah nihilisme."

Itulah pengalaman Jumaat Agung, dan itulah pengalaman apa yang mistik panggil "malam gelap jiwa".

Dan di dalam kegelapan yang mengecewakan pengalaman itulah Tuhan dapat mengalir ke dalam kehidupan kita tanpa sebarang gangguan. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## HARI MINGGU BIASA KE 25 (C)

AMOS 8:4-7

1 TIMOTIUS 2:1-8

INJIL LUKAS 16:1-13

Injil pada hari Minggu ini cukup panjang, dan sekali gus cukup tak mudah dimengerti isi pesannya, dan memerlukan ketenangan pemikiran untuk memahaminya.

Pesan utama yang dapat kita petik dari Injil itu ialah, bahawa kita sebagai orang beriman harus tahu dan mahu menilai serta menggunakan hubungan antara harta duniawi dan harta syurgawi menurut tauladan Yesus. Seperti dikatakan oleh Yesus: "Kamu tidak dapat mengabdikan kepada Tuhan dan kepada Mammon?" (Luk 16:13).

Sangat tajam tetapi benar apa yang dikatakan Yesus dalam perumpamaan tentang seorang bendahara yang tidak jujur. "Anak-anak dunia ini lebih cerdik terhadap sesamanya daripada anak-anak terang" (Luk 16:8).

Dalam perumpamaan itu Yesus mahu mengajak kita untuk memiliki pengertian dan sikap yang tepat mengenai hubungan antara hidup kita di dunia dan hidup kita kemudian di syurga.

Yesus melihat dalam masyarakat-Nya, bahawa ramai orang yang tahu dan pandai mencari keamanan, kepastian, dan jaminan untuk masa depan hidupnya sekarang, misalnya dengan mengumpulkan wang seba-

nyak mungkin.

Tetapi mengapa mereka tidak berikhtiar sekuat-kuatnya untuk juga membantu atau berbuat baik kepada sesama, agar keadaan jiwa kita juga turut aman di kemudian hari?

Kita mampu memperoleh dan memiliki wang yang banyak, tanpa diperhambakan oleh wang iaitu dengan menempatkan kehendak Tuhan sebagai pusat hidupnya.

Oleh itu, kita akan berani mengorbankan milik kita sebagai derma atau bantuan bagi sesama, kepada orang-orang yang berkekurangan untuk dapat hidup. Sebab Tuhan memang menghendaki segenap umat-Nya dapat hidup cukup dan bahagia.

Orang yang beriman, menghayati imannya secara jujur terhadap Tuhan, baik dalam hidup dan pekerjaannya, apa pun bentuknya, khususnya di bidang perdagangan, tidak akan mudah melupakan hubungannya dengan Tuhan.

Dia harus bekerja tekun dan teliti, mencari dan menggunakan waktu yang tepat untuk dapat beruntung secara wajar.

Sebagai orang beriman, kita harus selalu ingat dan sadar keperluan orang lain, yang harus dan hanya dapat dilakukan dan diperoleh atas usahanya sendiri, iaitu kebahagiaan dan kesejahteraan rohani, yang akan diperolehnya di syurga.

Bukan hanya perhitungan teliti namun ini mutlak diperlukan untuk memperoleh kekayaan jasmani dan duniawi

Selain itu, adalah perlu juga untuk dapat

memperoleh kekayaan rohani dan abadi.

Pesan yang dapat dipetik dari perumpamaan Yesus dalam Injil Lukas hari ini ialah: *Pertama*: supaya kita sebagai umat beriman tetap memiliki kekuatan dan ketekunan bila menghadapi cabaran hidup yang berat.

*Kedua*: supaya kita dalam mengusahakan, memiliki dan menggunakan harta kekayaan duniawi berusaha menemukannya dalam hubungan kita juga dengan golongan berkekurangan.

*Ketiga*: sesiapa pun yang memiliki harta harus selalu sadar, bahawa kita bukanlah pemilik mutlak harta kekayaan dunia ini, tetapi diperbolehkan Tuhan mengambil bagian dalam kekayaan dunia milik-Nya, yang harus juga dapat diterima dan dinikmati seluruh penduduknya.

Untuk mampu melakukan semuanya itu kita diundang untuk meneladani, hidup dan bertindak menurut teladan Yesus.

Seperti seorang ahli perniagaan harus menggunakan kebijaksanaan untuk mencapai kejayaan, demikian pula setiap orang Kristian harus bersedia mengikuti tauladan hidup Yesus, agar patut diterima oleh Tuhan.

Kita bukanlah pemilik harta mutlak. Di dalam Kerajaan Tuhan, tanggungjawab dan berkat Tuhan hanya akan diberikan kepada mereka, yang dapat membuktikan kesetiannya kepada ajaran dan teladan Yesus Kristus. **Msgr. Hadisumarta O.Carm**

## Hanya mengabdikan kepada Tuhan



# Dua religius sambut jubli sempena Tahun Harapan

SANDAKAN: Dua orang religius dari kongregasi *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC) telah menyambut ulang tahun ke-25 sebagai religius pada September 6, di Katedral St Mary.

Kedua-dua religius itu, Sr M. Theresa Petrus dan Sr M. Alice Lopez berasal dari daerah Tawau.

Perayaan ulang tahun perak sebagai religius itu menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan iman mereka.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Uskup Julius Dusin Gitom, bersama oleh para paderi dari pelbagai paroki.

Dalam ucapannya, Uskup Julius mengimbas semula bahawa 25 tahun lalu, Sr Alice dan Sr Theresa mengucapkan kaul pertama mereka pada tahun Jubli Agung,

iaitu semasa kepausan Bapa Suci Yohanes Paulus II.

Kini, pada Tahun Jubli Penziah Harapan, kedua-dua religius itu merayakan ulang tahun perak mereka sebagai religius dan memperbaharui komitmen mereka untuk memperkenalkan Kristus kepada semua orang, di mana sahaja mereka berada.

Uskup Agung Julian, Uskup Agung Kuala Lumpur turut mengirimi perutusan untuk Sr Theresa yang melayani umat berbahasa Melayu di Pahang dan Terengganu, orang Asli dan para migran, dari April 2015 sehingga Januari 2025.

Sr Alice dilahirkan pada Julai 25, 1969 di daerah Tawau, Sabah. Sebelum menyertai FSIC, Sr Alice berpeluang mengenal kongregasi lain misalnya kongregasi Gembala Baik



Sr M Alice Lopez



Sr M Theresa Petrus

dan karmelit.

Panggilannya menyertai FSIC di-rasai sejak beliau melawat konven FSIC, St Joseph, Penampang dan

berdoa di chapel konven tersebut.

Akhirnya Sr Alice menjadi postulan pada tahun 1996, mengucapkan kaul pertama pada Ogos, 2000

dan kaul akhir pada Januari, 2007.

Selama 25 tahun ini, Sr Alice melayani di beberapa buah paroki misalnya Tenom, Keningau dan St Paul, Dontozidon. Kini, beliau melayani di Konven Loreto, Penampang.

Sr Theresa Petrus, dilahirkan pada Januari 8, 1969 di Tawau. Beliau melafazkan kaul pertama pada Ogos, 2000 dan kaul akhir pada Februari, 2006.

"Doa saya sempena Tahun Jubli Harapan ialah semoga saya terus menjadi alat Tuhan dan menjadi saluran Pengharapan kepada para umat yang ditemui khususnya mereka yang telah kehilangan harapan dalam iman," ujar Sr Theresa yang pernah melayani di Kudat, Keningau, Ranau dan kini melayani di Pahang dan Terengganu.

## Pada Hari Kebangsaan, umat St Anne berdoa untuk kesejahteraan Malaysia



MELAKA: Penganut Katolik di Gereja St Anne, Alor Gajah menyambut Hari Kebangsaan pada Ogos 31 lalu.

Ramai di antara umat memakai busana tradisi dan membawa ben-

dera kecil Jalur Gemilang. Mereka bersyukur kepada Tuhan atas rahmat damai ke atas Malaysia dan berdoa agar keamanan ini kekal selama-lamanya.

## Umat Membakut gembira terima kunjungan paderi

MEMBAKUT: Seorang paderi kelahiran Sook, Fr Nelbart Peter, yang ditahbis beberapa bulan lalu, mengunjungi paroki St Patrick pada September 6 hingga 7 lalu.

Paroki St Patrick merupakan di bawah jagaan Keuskupan Keningau, terletak kira-kira 95 KM dari Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Paroki Membakut merupakan salah satu paroki pedalaman di bawah Banjaran Crooker, bersempadan dengan paroki Papar (Keuskupan Agung Kota Kinabalu).



Sepanjang berada di Membakut, Fr Nelbart memimpin Misa Kudus dan beramah mesra dengan para umat paroki. Ini merupakan lawatan pertama beliau ke paroki ini setelah ditahbis pada Mac 2, yang lalu. Fr Nelbart yang merupakan paderi pembantu St Theresa, Tambunan

gembira dapat berinteraksi dan memberikan pelayanan Sakramen kepada umat sekitar Membakut.

Umat berharap agar lawatan ini akan menjadi satu permulaan yang baik untuk lebih bertemu dan bersoal jawab tentang iman dengan para paderi. **Peter Paulus**

## Menavigasi dunia digital dengan selamat

KUALA LUMPUR: Teknologi berkembang pesat pada kadar yang menakjubkan.

Dengan Internet dan platform digital meletakkan maklumat di hujung jari kita, persoalan mendesak timbul: adakah alat-alat ini benar-benar berkhidmat kepada kemanusiaan?

Untuk meneroka isu penting ini, Susan Thomas, ketua Komisi Wanita di bawah Pejabat Keuskupan Agung untuk Pembangunan Manusia (AOHD), menganjurkan ceramah mengenai Warganegara Digital yang Selamat dan Bertanggungjawab.

Penceramah, Karen Arukesamy, Presiden SIGNIS Malaysia memberi pencerahan kepada hadirin bahawa sama ada teknologi berkhidmat untuk kemanusiaan atau tidak, ia bergantung sepenuhnya kepada pilihan sedar yang dibuat oleh individu yang menggunakan teknologi digital.

Oleh sebab itu, kesedaran adalah penting. Beliau menekankan bahawa, walaupun melayari Internet mungkin kelihatan seperti

hobi yang tidak berbahaya, pengguna mesti sedar bahawa setiap klik sedang dijejaki.

Di sebalik tabir, pasukan jurutera mengkaji tabiat melayari dan menggunakan psikologi untuk mempengaruhi pilihan, membanjiri pengguna dengan iklan yang disasarkan dan alternatif yang meyakinkan.

Ini bukan secara kebetulan tetapi direka dengan sengaja untuk memerangkap pengguna yang tidak curiga.

Karen menggesa penonton supaya berwaspada tentang apa yang mereka kongsi dalam talian, terutamanya butiran peribadi seperti lokasi mereka, rutin harian, foto rumah mereka, atau malah gambar profil.

Maklumat sedemikian, katanya, boleh disalahgunakan untuk kecurian identiti dan penipuan.

Sesi itu juga menekankan kepentingan menjadi warga digital yang bertanggungjawab.

Peserta juga diberikan beberapa petua baik untuk diamalkan

dalam dunia digital. Antaranya:

- Hormati privasi orang lain dengan tidak menyiarkan foto atau maklumat peribadi tanpa kebenaran.
- Elakkan menggunakan rangkaian Wi-Fi awam atau percuma yang tidak selamat.
- Sentiasa semak fakta, kerana maklumat yang ditemui dalam talian mungkin salah atau lapuk.
- Perkukuh tetapan privasi pada peranti dan akaun media sosial untuk melindungi data peribadi.

Pakar juga memberi amaran bahawa Internet telah mengambil alih peranan seperti Tuhan dan menyamakan teknologi sebagai kekayaan material.

Oleh sebab itu, para peserta diingatkan bahawa kesejahteraan manusia yang sebenar, menurut Gereja, melibatkan pembangunan manusia yang menyeluruh — memupuk dimensi fizikal, sosial, budaya, moral, dan rohani.



## Hampir 100 bayi dan kanak-kanak dibaptis di Tambunan

TAMBUNAN: Paroki St. Theresa, Tambunan telah meraikan penerimaan 94 ahli baharu ke dalam keluarga besar Gereja Katolik melalui Ritus Sakramen

Pembaptisan Bayi dan Kanak-Kanak (bawah enam Tahun) Fasa Dua bagi sesi 2025.

Upacara itu berlangsung pada Ogos 24, bermula pada jam 2.00 petang, dipimpin oleh Fr Nelbart Peter.

Ia dianjurkan oleh Komite Kateketikal Paroki St Theresa. Sehari sebelumnya, para ibu bapa bersama penanggung (ibu dan bapa pem-

baptisan) telah diwajibkan untuk mengikuti sesi rekoleksi sehari.

Rekoleksi itu bertujuan untuk memberi pendedahan dan pemantapan rohani mengenai rahmat pembaptisan dan mengingatkan mereka tanggungjawab dalam mendidik iman Katolik.

Penerimaan sakramen ini bukan sahaja menandakan permulaan perjalanan iman bagi kanak-kanak ini, serta menjadi tanda harapan Gereja di paroki St Theresa Tambunan dan Keuskupan Keningau untuk melahirkan umat Katolik yang beriman mantap.

# Sahabat kecil Yesus

Pilih jawapan yang betul untuk mengisi tempat kosong pada petikan Alkitab di bawah



- membenci tuan
- mencela hamba
- mengasihi kekayaan
- mengabdikan setia



Anak-anak yang dikasihi,

Dalam pembacaan Injil pada hari Minggu ini, Yesus menceritakan kisah seorang pengurus yang menjaga kekayaan seorang lelaki kaya.

Apabila pengurus itu hampir kehilangan pekerjaannya, dia dengan cepat mencari rakan dengan membenarkan pemiutang orang kaya membayar kurang daripada jumlah yang mereka hutang.

Kemudian apabila dia tidak lagi dapat bekerja, rakan-rakan ini akan menjaganya.

Apa yang Yesus beritahu kita melalui perumpamaan ini ialah kita harus menggunakan wang dan harta milik yang kita ada di bumi untuk berkawan dengan Tuhan, bukan digunakan untuk membuat perkara-perkara yang tidak baik.

Tahukah anak-anak, jika kita tidak mempunyai banyak wang, Tuhan tetap menyayangi kita. Jika kita mempunyai banyak wang, tetapi membelanjakannya untuk perkara yang tidak berfaedah, boleh menjauhkan kita daripada Tuhan.

Anak-anak, mari menyenangkan hati Tuhan dengan memberi wang kepada Gereja dan orang miskin. Bukan sahaja kita dapat memuliakan Tuhan tetapi ramai orang berasa gembira dan bersyukur kerana pertolongan anak-anak.

Meskipun apa yang kita lakukan itu kecil tetapi antie percaya Tuhan akan sangat menghargainya dan Dia pasti akan mempercayai kita dengan tugas-tugas yang lebih besar kelak.

Salam sayang  
Antie Melly

“Seorang hamba tidak mungkin  diri kepada dua orang  Dia akan  yang seorang dan  yang lain; atau akan  kepada yang seorang dan  yang lain. Demikianlah, kamu tidak dapat menjadi  Tuhan dan juga hamba .

(Lukas 16:13, AVB)


Mari Mewarna



S TO CARLO ACUTIS

Sto Carlo Acutis, seorang remaja lelaki baharu sahaja diwartakan sebagai Santo pada September 7, 2025.

Cari objek-objek ini yang tersembunyi dalam gambar di bawah: pisang, lobak, ikan, daun, lolipop, bulan, jarum dan benang, piring.





# BELIA

## Belia bekerja sertai program Roh Untuk Aku Hidup

PLENTONG, Johor: Seramai 72 orang muda bekerja telah menyertai Program Roh Untuk Aku Hidup (RUAH) yang diadakan di Pusat Majodi, Plentong.

Program ini merupakan anjuran *Malacca Johore Diocese Young People Network* (MJDYPN) dengan kerjasama Majlis Orang Muda Bahasa Malaysia Keuskupan Melaka Johor, dengan tujuan menyediakan ruang untuk berkumpul dan mendalami iman sesama orang muda bekerja, berumur 18 hingga 39 tahun.

Dengan tema "Penziarah Harapan", para peserta program RUAH mempunyai peluang untuk berkenalan dan bersukacita dengan orang muda bekerja dari seluruh keuskupan, melalui aktiviti-aktiviti seperti *icebreaking*, riadah dan perkongsian berkumpul mengenai kehidupan diri sebagai seorang penziarah harapan. Mereka



juga berpeluang untuk menyertai sesi perkongsian dari Friar Marvin Voo, OFM, dan Aloysius Irenaeus dari MJDYPN, tentang cara-cara untuk menjadi seorang penziarah hidup dalam keluarga, alam

pekerjaan, pelajaran, serta kehidupan seharian.

Pengalaman kem ini dimeriahkan lagi dengan sesi puji dan sembah, doa kerahiman Ilahi, serta perayaan Misa oleh Friar Laurence Motoyou.

Keseluruhan program ini disediakan dan dipimpin oleh pemimpin-pemimpin orang muda Bahasa Malaysia dari pelbagai paroki, dan telah menerima penyertaan yang cukup bersemangat dan hangat oleh peserta-peserta sepanjang program.

Berikut merupakan perkongsian daripada beberapa peserta RUAH:

"Saya belajar untuk menjadi seorang penziarah harapan and berharap untuk membawa umat Katolik mengenali Tu-

han Yesus lebih dalam." *Elly Sylvia, Gereja Our Lady of Guadalupe, Krubong.*

Sebagai seorang fasilitator program RUAH, saya bersyukur mendapat pengalaman dan kawan baharu, belajar untuk menjadi lebih yakin serta belajar untuk menepati masa. *Lazarus Edward, Gereja St Teresa, Masai.*

Ini ialah Kem RUAH pertama saya. Setelah mengikuti kem ini, tahap pemahaman saya terhadap sesi-sesi yang diberikan sangat membantu saya untuk berfikir secara mendalam tentang Tuhan dan mendorong saya agar selalu meluangkan masa dengan Tuhan. *Britney Dominic, Gereja Christ the King, Kulai.*



### Remaja diajak jadi tanda "harapan"

MIRI: Guru dan pemimpin belia Sekolah Minggu St Joseph menganjurkan kem bermalam selama tiga hari baru-baru ini di Pusat St Francis.

Kem itu mengumpulkan 64 peserta remaja untuk pengalaman yang memperkaya rohani melalui doa, katekesis, Misa Kudus dan kegiatan-kegiatan berpasukan.

Kem dimulakan dengan "Ice Breaking." Menariknya, para peserta disertai maskot Tahun Jubli 2025 iaitu Luce dan rakan-rakannya dalam ceramah interaktif yang menjelaskan tema Penziarah Harapan, simbol-simbol Tahun dan apa maknanya

menjadi seorang "penziarah rohani."

Sesi kreatif, termasuk membuat "Kalung Sauh Harapan" dan latihan drama, membolehkan pelajar meluahkan iman mereka dengan cara yang bermakna.

Misa harian, sesi pujian dan penyembahan, serta renungan kumpulan membantu memperdalam pemahaman rohani para pelajar.

Kemuncak kem ialah persembahan "The Late Pilgrim" yang diadakan pada hari terakhir kem, diikuti testimoni peribadi daripada pelajar tentang pengalaman transformatif mereka. **Today's Catholic**



### Pulihkan hubungan yang terputus: projek pertama Majlis Belia daripada Sri Paus

VATIKAN: Semasa bertemu dengan ahli Majlis Belia Mediterranean, Sri Paus Leo XIV mengatakan bahawa usaha majlis itu ialah "bukti bahawa dialog berkesan; bahawa perbezaan adalah sumber pengayaan, bukan motif konflik; dan orang lain merupakan saudara dan saudari kita — bukan musuh, bukan orang asing."

Ahli-ahli majlis itu terdiri daripada wakil dari negara-negara yang bersempadan dengan Laut Mediterranean, Majlis Belia itu bertujuan memberi peluang kepada golongan muda untuk menyuarakan pendapat mereka dan melaksanakan inisiatif dalam dialog dengan pihak berkuasa awam.

Bapa Suci Leo memuji usaha Majlis Belia itu dan mengamanahkan projek pertama untuk mereka iaitu "memulihkan hubungan yang telah terputus, untuk membina

semula bandar-bandar yang dimusnahkan oleh keganasan, untuk membuat taman berkembang di tempat yang kini menjadi padang pasir, untuk menanamkan harapan dalam mereka yang putus asa, dan untuk menggal-

akkan mereka yang terperangkap dalam diri mereka sendiri agar tidak takut kepada saudara-mara mereka."

Bapa Suci juga berkata bahawa golongan muda itu sendiri adalah

tanda: tanda "generasi yang tidak menerima apa yang berlaku secara pasif, yang tidak memalingkan muka atau menunggu orang lain mengambil langkah pertama." Sebaliknya, "Anda mewakili generasi yang membayangkan masa depan yang lebih baik dan memilih untuk membantu membangunkannya." **Media Vatikan**



## Berita singkat antarabangsa

### Pentahbisan uskup Khmer pertama bagi Gereja Katolik di Kemboja

PHNOM PENH: Gereja Katolik di Kemboja meraikan pencapaian bersejarah dengan pentahbisan episkopal Monsignor Pierre Suon Hangly sebagai uskup dan pelantikannya sebagai Vikar Apostolik Koajutor Phnom Penh.

Upacara sukacita dan rahmat itu berlangsung pada September 6, di Pusat Pastoral Katolik Vikariat Phnom Penh di Phnom Penh Thmey, menarik ribuan umat dan kenamaan, meraikan pentahbisan uskup Khmer pertama se-

jak kejatuhan era Khmer Rouge.

Upacara pentahbisan dipimpin oleh Uskup Olivier Schmitthausler, Vikar Apostolik Phnom Penh, dengan Uskup Agung Peter B. Wells, Nunsio Apostolik ke Kemboja dan Uskup Jean-Marie Prida Inthirath dari Savannakhet.

Uskup Agung Peter B. Wells, mewakili Sri Paus Leo XIV, mengucapkan tahniah kepada Uskup Hangly atas pelayanan baharunya. *LICAS News*

### Kardinal gesa keharmonian melangkaui perpecahan semasa lawatan ke Bangladesh

DHAKA: Kardinal George Koovakad, prefek Dikasteri Vatikan untuk Dialog Antara Agama, menyeru agar praktik kerendahan hati dan dialog antara agama sentiasa diamalkan bagi mengatasi perpecahan agama, kaum dan jantina.

Pegawai Vatikan itu tiba di Dhaka pada September 5, dengan delegasi termasuk Msgr Indunil Janakarathne Kodithuwakku Kankanamalage, setiasa dikasteri, dan paderi Yesuit, Fr. Joseph Victor Edwin.

Misi mereka termasuk perte-

muan dengan pemimpin agama, pegawai kerajaan, pendidik dan ahli masyarakat.

Pada majlis resepsi yang dianjurkan oleh Konferensi Uskup Katolik Bangladesh (CBCB) pada September 6, Ketua Hakim Syed Refaat Ahmed juga menekankan keperluan negara untuk inklusiviti.

"Agama anda, jantina anda, bangsa anda, bahasa anda, atau warna kulit anda—tiada satu pun daripada ini yang sepatutnya menjadi masalah," katanya. *Asia News*

### Melalui bonda Maria, "wain keadilan" akan ditemui semula

YANGON: Kardinal Charles Maung Bo dari Yangon telah menggesa umat beriman di Myanmar untuk mengambil kekuatan daripada Perawan Maria sebagai "penyembuh bagi yang terluka dan penziarah harapan" di tengah-tengah krisis politik dan kemanusiaan yang berterusan di negara itu.

Berkhutbah semasa perayaan Vailankanni pada September 8, prelatus itu mengingatkan umat Katolik bahawa "Bonda Maria telah diberikan kepada kita sebagai Ibu yang penuh belas kasihan—sentiasa membimbing kita kepada Puteranya, sentiasa membawa penyembuhan melalui Yesus."

Kardinal itu berkata bahawa luka-luka Myanmar bergema dengan kesedihan Maria, terutamanya "Tujuh Dukacita" yang dinubuatkan oleh Simeon dalam Injil Lukas.

Hati Maria akan tertusuk—bu-

kan sekali, tetapi berkali-kali—melalui kesedihan hidupnya. "Ini dikenang sebagai Tujuh Kesedihan Maria," katanya.

Mengaitkan kisah alkitabiah dengan perjuangan negara pada masa kini, beliau berkata Myanmar sedang menanggung tujuh dukacita yang mendalam dan menderita akibat ketiadaan "anggur" yang penting seperti keamanan, keadilan, kesihatan, dan peluang untuk rakyatnya.

Antara "wain yang hilang" ialah wain keamanan, wain kesihatan, wain keadilan. Tiada wain peluang untuk belia kita ..."

Namun, Kardinal Bo percaya bahawa, melalui perantaraan Maria, Myanmar boleh menemui pembaharuan—mengubah luka menjadi harapan, kesedihan menjadi lagu, dan kekosongan menjadi rahmat yang melimpah. *LICAS News*

### Pentahbisan uskup Khmer pertama bagi Gereja Katolik di Kemboja

VATIKAN: Selepas Misa dan kanonisasi Pier Giorgio Frassati dan Carlo Acutis di Dataran Sto Petrus baru-baru ini, Sri Paus Leo XIV berkata berdoa syafaat kepada para Suci dan Perawan Maria.

"Semoga kita semua mempercayakan doa kita yang berterusan untuk keamanan di dunia kita, kerana "Tuhan tidak mahu perang. Tuhan mahukan kedamaian!"

Sri Paus menggalakkan semua

orang untuk meneruskan doa mereka bagi rakyat Tanah Suci, Ukraine dan setiap bahagian dunia yang dilanda perang.

Kepada pemimpin dunia, Bapa Suci Leo mengulangi rayuannya agar mereka mendengar suara hati mereka, kerana "kemenangan yang dicapai melalui senjata, menabur maut dan kemusnahan, sebenarnya adalah kekalahan, dan ia tidak pernah membawa keamanan atau keselamatan." *CNA*



# Benih-benih keamanan dan harapan

TAKHTA SUCI: Sri Paus Leo XIV telah menyuarakan sokongannya untuk sambutan Hari Doa Sedunia untuk Penciptaan pada 1 September, satu inisiatif ekumenikal yang dimulakan serta galakan oleh mendiang Sri Paus Fransiskus.

"Ia lebih penting dan mendesak berbanding sebelum ini," kata Sri Paus Leo semasa menyampaikan ucapan Angelus pada Ogos 31 lalu.

Tema tahun ini ialah "Benih-benih Keamanan dan Harapan".

Bapa Suci Fransiskus pada tahun 2015 telah menetapkan Hari Doa untuk Penciptaan sebagai perayaan sejagat dalam Gereja Katolik. Namun, Gereja-gereja Kristian lain telah merayakan hari tersebut sejak tahun 1989.

Juga dikenali sebagai "Hari Penciptaan" hari doa menandakan permulaan "Musim Penciptaan" yang berlangsung selama sebulan iaitu berakhir pada Oktober 4, sempena hari perayaan Sto Fransiskus dari Assisi.

Semangat 'Canticle of Brother Sun', yang digubah oleh Sto Fransiskus kira-kira 800 tahun lalu, mengajak kita memuji Tuhan dan memperbaharui komitmen kita untuk tidak merosakkan kurniaan-Nya tetapi untuk menjaga rumah bersama kita," kata Sri Paus Leo.

Dalam mesej untuk Hari Doa Sedunia untuk Penciptaan 2025, yang dikeluarkan awal tahun ini, Bapa Suci Leo menekankan "bahawa kemusnahan alam semula jadi tidak memberi kesan kepada semua orang dengan cara yang sama. Apabila keadilan dan keamanan dipijak-pijak, mereka yang paling terjejas adalah golongan miskin, terpinggir, dan tersisih."

Beliau juga mengkritik penguasaan alam semula jadi kepada alat tawar-menawar dan komoditi untuk ditukar demi keuntungan ekonomi atau politik.

Ciptaan Tuhan bertukar menjadi medan pertempuran untuk mengawal sumber-sumber penting.

"Kita melihat ini di kawasan pertanian dan hutan yang dipenuhi dengan periuik api, menyebabkan 'bumi hangus', konflik mengenai sumber air, dan pengagihan bahan mentah yang tidak sama rata," katanya dalam nada kesal.

"Pelbagai luka ini adalah kesan dosa," katanya. Ini pastinya bukan apa yang Tuhan maksudkan apabila Dia menyerahkan bumi kepada lelaki dan wanita yang Dia ciptakan mengikut imej-Nya."

Pada bulan Julai, Sri Paus Leo telah meluluskan doa Misa baharu untuk menyokong penghargaan Gereja terhadap ciptaan Tuhan.

"Misa untuk Penjagaan Penciptaan" diilhamkan oleh ensiklik alam sekitar oleh Sri Paus Fransiskus, *Laudato Si'*, yang menyambut ulang tahun ke-10 pada tahun ini.

Ramai Uskup di sesetengah negara meraikan formulari Misa baharu untuk merayakan Hari Doa Sedunia untuk Penciptaan. **Media Vatikan**


## Bapa Suci ketua peringatan ekumenikal bagi para martir moden

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV disertai wakil-wakil Gereja Kristian, mengetuai doa untuk memperingati ramai orang Kristian pada zaman ini yang telah dibunuh kerana iman mereka kepada Kristus.

"Peringatan Ekumenikal Martir dan Saksi Iman Abad Kedua Puluh Satu," diadakan pada Pesta Salib Suci di Basilika Kepausan Sto Paulus di Luar Tembok.

Peringatan ini adalah inisiatif Dikasteri untuk Sebab-sebab Orang Suci dan Komisi Martir Baharu – Saksi Iman, yang ditubuhkan pada tahun 2023 oleh Sri Paus Fransiskus "untuk mengenal pasti Saksi Iman dalam suku pertama abad ini dan meneruskannya ke masa depan."

Bercakap kepada ahli Kumpulan Kerja Bersama Ekumenikal Gereja Katolik dan Majlis Gereja Sedunia, prefek Dikasteri untuk Menggalakkan Perpaduan Kristian, Kardinal Kurt Koch, berkata acara itu "memberikan ungkapan dan keyakinan



bahawa Gereja sudah bersatu dalam darah para martirnya."

Presiden Komisi Martir Baharu, Uskup Agung Fabio Fabene, menerangkan bahawa dikasteri di bawah jagaannya telah melakukan penyelidikan yang merangkumi semua denominasi Kristian, kerana keaktifan pembaptisan menyatukan semua orang Kristian yang menyerahkan nyawa mereka.

Dengan demikian wujudlah 'ekumenisme darah,' seperti yang diberkati oleh Sto Yohanes Paulus II serta menggelarkannya sebagai 'martir'.

"Gereja sudah bersatu," kata Uskup Agung Fabio, dan Sri Paus Leo pula berharap agar darah para martir ini akan menjadi "benih kedamaian, perdamaian, persaudaraan, dan kasih sayang."

Profesor Andrea Riccardi, Naib Presiden Komisi, menggambarkan "geografi" saksi-saksi iman, dbahawa saksi-saksi yang dibunuh di Amerika oleh jenayah terancang, oleh pengedar dadah, atau mereka yang mengeksploitasi alam sekitar; para martir Eropah, pula termasuk para misionari yang dibunuh di tanah yang jauh; penganiayaan di Timur Tengah dan Afrika Utara, terutamanya orang Kristian Timur; dan orang Kristian yang berdoa di Asia, seperti mangsa pengeboman Paskah di Sri Lanka pada tahun 2019. **Media Vatikan**

# Kerajaan syurga seperti harta tersembunyi di dalam ladang

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyambung semula Audiens Jubli Khas Sabtu pagi pada September 6, dengan memberi tumpuan kepada kata-kata Yesus, "Kerajaan syurga itu seperti harta yang tersembunyi di dalam ladang."

Katekesisnya bermula dengan renungan tentang "daya tarikan istimewa" yang dirasakan kanak-kanak ketika menggali tanah, "memecahkan permukaan keras tanah untuk melihat apa yang ada di bawah."

Sri Paus berkata, "adalah bagaimana Kerajaan Tuhan ditemui. Umpama menggali tanah keras untuk melihat apa yang tertanam di bawahnya, harapan menyalakan apabila kita terus 'menggali' iman."



## Sta Helena, 'wanita yang mencari'

Prelatus itu mengingatkan umat beriman tentang orang Kristian awal yang, sebaik sahaja mereka dapat mengamalkan iman mereka secara bebas, mula menggali sejarah mereka, "terutamanya di tempat-tempat Sengsara, Kematian, dan Kebangkitan Yesus."

Beliau mengambil contoh Sta Helena, ibu kepada maharaja Kristian pertama, yang menurut tradisi sejagat, menaja penggalian di Tanah Suci.

Sta Helena, dikenang sebagai "seorang wanita yang mencari, seorang wanita yang menggali."

Jelas Bapa Suci, "Harta yang menyalakan harapan sebenarnya adalah kehidupan Yesus. Kita mesti memulakan pencarian jejak-Nya."

"Pencarian Helena," kata Paus, "mungkin dapat dijelaskan oleh salib yang dipikulnya dalam kehidupannya sendiri, bermula dari asal-usulnya yang sederhana." Sepanjang hayatnya, Helena mengalami kesedihan dan kekecewaan, tetapi Helena tetap menjadi "wanita yang mencari." Dia telah memutuskan untuk menjadi Kristian, dan sentiasa mengamalkan amal kebajikan, tidak pernah melupakan orang-orang yang rendah hati dari mana dia sendiri berasal.

Sri Paus Leo menekankan "maruah dan kesetiannya," kualiti yang masih mengubah dunia hari ini: ia membawa kita lebih dekat kepada harta karun, seperti kerja seorang petani.

## Mencari Kerajaan Tuhan

Beliau menekankan bahawa usaha "men-

gusahakan hati sendiri memerlukan usaha... tetapi dengan menggali, seseorang akan menemui; dengan merendahkan diri, seseorang akan semakin mendekati Tuhan yang menanggalkan diri-Nya untuk menjadi seperti kita."

Mengingatkan semula penemuan peninggalan Sengsara melalui penggalian St Helena, Sri Paus berkata Salib Yesus "terletak di bawah kerak atau tanah bumi kita."

"Mungkin, kita akan tanpa sedar sedang memijak-mijak harta karun di bawah kaki kita tanpa berhati-hati. Tetapi, jika kita menjadi seperti kanak-kanak, kita akan dapat mengenali kerajaan lain, kekuatan lain. Tuhan sentiasa bersama kita, untuk mengangkat kita ke tempat yang tinggi."

Media Vatikan

## Jus rohani untuk jiwa

Di tengah-tengah keganasan tragis di seluruh dunia, mendiang Sri Paus Yohanes Paulus II (JP II) mempunyai harapan yang tidak berbelah bahagi bahawa kita boleh menentang kejahatan dengan kebaikan.

Memang mudah untuk menyerah kalah dan berputus asa apabila kita melihat tindakan keganasan yang mengerikan merembak ke seluruh dunia, malah mungkin berlaku di halaman rumah kita sendiri.

Kita juga boleh tergoda untuk cuba melawan keganasan dengan lebih banyak keganasan, berfikir bahawa hanya membalas kejahatan dengan keganasan, dapat membasmi keganasan.

Namun, pandangan Kristian bukanlah untuk berputus asa, mahupun melawan kejahatan dengan keganasan, tetapi untuk mempunyai harapan dan kepercayaan kepada kebaikan Tuhan.

## Kejahatan tidak akan menang

Sto JP II bercakap tentang topik ini dalam

## Kejahatan tidak akan menang!

pesan untuk Hari Keamanan Sedunia pada tahun 2005:

"Berdasarkan fakta bahawa kejahatan tidak akan menang, orang Kristian memupuk harapan yang tidak dapat dikalahkan yang menyokong usaha mereka untuk mempromosikan keadilan dan keamanan."

Walaupun dosa peribadi dan sosial melanda semua aktiviti manusia, harapan sentiasa memberikan dorongan baharu kepada komitmen terhadap keadilan dan keamanan, serta keyakinan yang teguh terhadap kemungkinan membina dunia yang lebih baik."

Prelatus itu tidak percaya kenyataan di atas adalah fantasi yang mengada-ada, tetapi sesuatu yang nyata.

Kejahatan mungkin kelihatan tidak dapat dikalahkan, tetapi dengan rahmat Tuhan, kita semua boleh menjadi agen kebaikan. JP II menegaskan: *Menghadapi pelbagai situasi tragis yang berlaku di dunia, orang Kristian mengaku dengan*

*kepercayaan yang rendah hati bahawa hanya Tuhan sahaja yang dapat membolehkan individu dan bangsa mengatasi kejahatan dan mencapai kebaikan.*

*Melalui kematian dan kebangkitan-Nya, Kristus telah menebus kita dan membebaskan kita "dengan harga" (1 Korintus 6:20; 7:23), memperoleh keselamatan bagi semua orang. Dengan bantuan-Nya, semua orang boleh mengalahkan kejahatan dengan kebaikan.*

JP II mengulangi bahawa kita tidak boleh mengalahkan kejahatan dengan kejahatan, tetapi hanya dengan kebaikan.


Keganasan boleh dikurangkan di dunia ini apabila manusia menyahut rahmat Tuhan dan mengambil "jalan yang sempit," memilih untuk mengasihi bukannya membenci.

Di atas segalanya, kita juga harus ingat bahawa kejahatan tidak akan mempunyai kata akhir di dunia ini. Apabila bumi ini telah mencapai penghujungnya, ia akan digantikan dengan langit yang baru dan bumi yang baru, di mana keganasan tidak akan ada lagi.

Mungkin sukar untuk dilihat, tetapi kita perlu mempunyai harapan bahawa Tuhan mengawal dan sedang menyediakan keamanan yang berkekalan yang akan kekal selama-lamanya.

Selain itu, seorang lagi mendiang Bapa Suci kita, Sri Paus Leo XIII, apabila berhadapan dengan kejahatan di dunia, telah menggalakkan doa rosari sebagai 'senjata' untuk keamanan.

Dalam setiap generasi, Gereja harus menangani kejahatan tertentu dan mempromosikan keamanan di seluruh dunia. Ini benar pada abad ke-19 dan kekal benar sehingga hari ini. **Aletheia**



## PENULIS BERKICAU

## Bonda 'generatif' hal-hal positif

Seorang rakan saya bercita-cita untuk menulis sebuah buku yang menceritakan pengalaman rohaninya bersama Bonda Maria.

Saya menggalakkan beliau meneruskan cita-cita itu, namun sebenarnya saya berasa buku berkenaan Bonda Maria sudah terlalu banyak di pasaran.

Tetapi paradigma saya beranjak pada September 8 lalu, ketika Minggu Katolik HERALD menyambut ulang tahunnya yang ke-31, sempena hari kelahiran Santa Perawan Maria. Saya tidak tahu bagaimana jari saya telah menekan artikel pada tahun lalu, apabila mendiang Sri Paus Fransiskus mengatakan "Gereja memerlukan Bonda Maria untuk memulihkan wajah femininnya, untuk lebih bersifat kewanitaan, perawan dan ibu, yang menjadi tauladan dan gambaran sempurna..."

Ayat singkat tetapi mendunia ini mengangkat Bonda Maria yang selalu memberi ruang bagi kaum wanita dan menjadi 'generatif' melalui pelayanan dan kehidupan kita sehari-hari.

Saya tertarik dengan kata 'generatif'. Bagaimana Bonda Maria boleh memberi semangat 'generatif' kepada kita. Apakah maksud 'generatif'?

Dalam kehidupan sehari-hari, 'generatif' dapat diaplikasikan dalam pelbagai bentuk seperti menyumbang dalam organisasi, membangkitkan kreativiti, mempengaruhi dan memotivasi orang lain, bahkan membantu dan menyokong orang-orang yang memerlukan.

Demikian beberapa penerangan mengenai kata 'generatif' yang saya petik dari beberapa kamus dalam talian. Tidak syak lagi, Bonda Maria ialah Bonda Generatif hal-hal positif!

Oleh sebab itu, berbalik kepada rakan saya yang mahu menulis mengenai pengalamannya bersama Bonda Maria, perasaan saya yang 'biasa-biasa' sahaja akhirnya menjadi teruja kerana saya percaya dia telah menerima dorongan generatif daripada Bonda Maria sendiri.

Mendiang Sri Paus Fransiskus juga menambah beberapa gelaran untuk Bonda Maria sesuai dengan masa sekarang iaitu Bonda yang Berbelas kasih (*Mater Misericordiae*), Bonda Pengharapan (*Mater Spei*) dan Bonda Pelindung para Migran (*Solacium Migrantium*).

Dunia ini perlu bergantung pada ibu dan wanita untuk menemukan kedamaian, keluar dari lingkaran kekerasan dan kebencian, dan sekali lagi melihat segala sesuatunya dengan mata dan hati manusiawi.

Kita mempunyai kekurangan, masa-masa kesepian, kekosongan batin yang menuntut untuk diisi. Siapakah yang dapat melakukan hal itu jika bukan Santa Maria, Bonda yang sering memenuhi permintaan kita?

Apabila kita tergoda untuk mementingkan diri, marilah kita mengalihkan perhatian dan berlari kepada Bonda. Apabila kita tidak mampu lagi melepaskan ikatan dalam hidup kita, marilah kita berlindung padanya.

Secara peribadi, pada September 9 lalu, saya berdoa sempena ulang tahun ke-31 Minggu Katolik HERALD dan ulang tahun Bonda Maria, agar kami, sidang redaksi HERALD, sentiasa diberikan inspirasi 'generatif' Bonda Maria untuk mewartakan Khabar Baik Tuhan.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)**

**atau**

**WhatsApp: 011-26391498**



**UNTUK HUBUNGAN KITA DENGAN SEMUA CIPTAAN**  
Marilah kita berdoa agar, dengan ilham oleh Sto Fransiskus, kita dapat mengalami saling kebergantungan dengan semua makhluk yang dikasihi oleh Tuhan dan layak dikasihi dan dihormati.

## Jubli orang Asli di Gereja Maria Bonda

SEREMBAN, Negeri Sembilan: Komuniti Kampung Tekir menjadi hidup dengan iman, perpaduan, dan kemeriahan apabila Gereja Maria Bonda menjadi tuan rumah bagi tiga perayaan meriah iaitu Jubli Orang Asli, ulang tahun Gereja Maria Bonda yang ke-124 tahun dan Perayaan Orang Asal.

Gereja, yang dihiasi indah dengan bunga segar dan hiasan tradisional, mengalu-alukan ratusan umat.

Uskup Agung Julian Leow memimpin Misa Kudus, disertai oleh Fr Christopher Soosaipillai dan Fr Edwin Peter.

Dalam khutbahnya, Uskup Agung Julian berkongsi kisah peribadi tentang panggilan imamat beliau yang 'bangkit' semasa beliau berusia 17 tahun dan merupakan pelajar Tingkatan 5, telah datang untuk melawat Gereja tersebut.

Walaupun mengambil masa 15 tahun untuk menjawab panggilan itu, prelatus

itu memberitahu hadirin bahawa Gereja Maria Bonda sentiasa dekat di hatinya.

Selepas Misa, komuniti menyertai perarakan Sakramen Mahakudus dan patung Bonda Maria sejauh tiga kilometer, dengan memegang lilin dan membaca doa rosari.

Perarakan itu diakhiri dengan berkat oleh Uskup Agung Julian.

Acara diteruskan dengan jamuan makan yang menampilkan hidangan Orang Asli dan tempatan.

Persembahan daripada orang Asli dari Kg Belihoi, Mantin; Kg Sebir, Seremban, Kg Bukit Kepong, Port Dickson dan Kg Tekir, memperlihatkan keunikan budaya orang Asli.

Kemuncak malam itu ialah tarian baris "Ting Ting" yang meriah turut disertai Uskup Agung Julian dan para paderi, sangat meriah dan menunjukkan kesatuan.



## Keuskupan Sibiu lancar Protec 2.0: Menjana semula

SIBU: Pelancaran rasmi PROTEC 2.0 - Menjana Semula (*Regenerate*), telah diadakan pada September 1, dengan Misa di Gereja Katolik St Mary's of the Divine Mercy, menandakan permulaan Musim Penciptaan (September 1 - Oktober 4) perayaan tahunan yang disambut oleh umat Kristian di seluruh dunia.

Misa itu dipimpin oleh Uskup Joseph Hii, yang juga Presiden Komisi Episkopal untuk Keadilan Penciptaan Malaysia, Singapura dan Brunei.

Semasa Misa, turut diagihkan sepanduk serta poster kepada para perwakilan paroki dari 12 Gereja di Keuskupan Sibiu.

Semasa perayaan itu, Gereja St Mary telah menandatangani Ikrar Paroki Ekologi, yang diketuai oleh Fr Paul Chee, rektor paroki, mengesahkan komitmennya terhadap keadilan ekologi dan daya tahan untuk semua ciptaan melalui Protokol Ekologi Paroki.

Protokol ini menggalakkan paroki untuk:

- Menerajui transformasi ekologi dengan berikrar untuk menjadi paroki ekologi dan menubuhkan Kementerian Keadilan Penciptaan.
- Mendalamkan kerohanian ekologi melalui doa, liturgi, pendidikan, dan pengintegrasian *Laudato Si'* ke dalam program paroki.
- Membangun daya tahan terhadap impak iklim melalui penilaian, pendidikan, dan kesiapsiagaan kecemasan.
- Membela dan bekerjasama secara tempatan dan global untuk keadilan dan perpaduan ekologi, terutamanya semasa Musim Penciptaan.
- Memperkukuh akauntabiliti dengan mengaudit jejak karbon dan mengamalkan 7R (Tolak, Kurangkan, Guna Semula, Ubah Suai, Kitar Semula,

Reka Semula, Jana Semula).

- Melaksanakan tindakan ekologi praktikal, seperti mengamalkan tenaga boleh diperbaharui, mempromosikan amalan sifar sisa, menggalakkan hidangan berasaskan tumbuhan, memulihara air dan tenaga, mengharamkan bahan berbahaya, menghijaukan tanah Gereja, dan melupuskan kegiatan yang berbahaya kepada ekologi.

Melalui PROTEC 2.0 - Menjana Semula, Keuskupan Sibiu mengesahkan semula misinya untuk menghayati penukaran ekologi dan menegakkan keadilan, keamanan, dan ketahanan untuk seluruh ciptaan.

Di Roma, Sri Paus Leo XIV mengajak umat Kristian di seluruh dunia untuk meraikan Hari Doa Sedunia untuk Penjagaan Penciptaan di bawah tema: Benih Keamanan dan Harapan.



## Lebih 300 umat memuliakan Tuhan dalam Konsert rohani pertama di Lahad Datu

LAHAD DATU: Buat julung kalinya, paroki St Dominic menganjurkan Konsert Rohani. Penganjuran konsert ini dibantu oleh Komite Charis paroki St Dominic.

Konsert ini adalah salah satu aktiviti bagi merayakan sambutan Hari Ulang Tahun Paroki St Dominic yang ke-73.

Acara ini bertujuan untuk memuji dan memuliakan Tuhan melalui nyanyian rohani, serta merapatkan hubungan iman dan persaudaraan antara umat di dalam dan luar daerah Lahad Datu

Konsert ini menampilkan pelbagai persembahan mengagumkan dari Kom-

iti *Neocatechumenal Way*, ahli koir dan pemazmur Gereja St Dominic, dan kumpulan pemuzik tempatan *Rassat Blues* yang ketua oleh Sdra Henry Mahai.

Artis jemputan, Rhowell Roland dan Lyron Felix juga telah menghangatkan suasana konsert malam itu.

Kehadiran lebih 300 umat telah memenuhi ruang Dewan Gereja St Dominic, menjadikan suasana penuh sukacita dan persaudaraan yang lebih dirasai

Acara berakhir dengan ucapan terima kasih dan doa penutup oleh paderi paroki, Fr Stanley William Matakim.